

Pelajar UMS hasrat lakar satu lagi rekod, kali ini untuk kebajikan

DE 19.4.2014 6

Larissa Lumandan

KOTA KINABALU: Pelajar-pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS), selepas mencatat rekod dalam Book of Records Malaysia berlari tanpa henti menggunakan mesin larian setempat selama 11 hari berhasrat untuk menyertai satu lagi acara lari tanpa henti, kali ini untuk kebajikan.

Ketua Program Sains Sukan, Profesor Madya Dr. Maryama Ag. Daud berkata acara tersebut kemungkinan besar akan diadakan pada awal 2015 dan dana yang diterima akan didermakan ke badan-badan bukan kerajaan (NGO).

"Kami merancang untuk mendapatkan pelari-pelari sama yang berjaya mencatat rekod dalam Book of Records Malaysia bagi larian kebajikan, bagaimanapun, kami juga sedang mempertimbangkan untuk menambah beberapa orang pelajar bagi acara larian pada program akan datang," katanya sambil menambah acara tersebut akan diadakan di Kompleks Sukan UMS.

Menurut beliau, idea itu tercetus dalam berbincangnya dengan seorang lagi Pensyarah Sains Sukan, Stephanie Chik semasa memberikan inspirasi untuk melahirkan lebih ramai pelajar berdaya saing di universiti itu.

Selain itu, Maryama berkata majlis tersebut bertujuan untuk menunjukkan sumbangan-sumbangan kepada kebajikan boleh dilakukan walaupun kekurangan dana di samping menaikkan imej universiti berkenaan.

Menyentuh mengenai pelari-pelari pada acara akan datang itu, katanya

dana-dana yang akan dikutip bergantung kepada jarak larian peserta.

"Pelari akan dapat mengumpul RM1 bagi setiap kilometer mereka berlari," tambahnya.

Maryama berkata demikian semasa Majlis Penghargaan bagi Kemasukan yang Berjaya ke dalam Larian Jarak Paling Jauh Malaysia Di atas Mesin Treadmill dalam Kumpulan di Bangunan Cancelori UMS di sini pada Khamis.

"Saya berpuas hati dengan kejayaan pelajar-pelajar ini kerana ia bukan tugas yang senang. Terdapat melibatkan banyak faktor pada keseluruhan program terutama sekali dari segi psikologi dan ketahanan," katanya sambil menambah program tersebut turut mendapat banyak perhatian dari pelbagai pihak di Twitter dan YouTube.

"Bagaimanapun, kami juga menerima komen-komen negatif dari orang ramai berkaitan dengan program itu tetapi sebenarnya komen mereka itu menggalakkan kami untuk berusaha lebih melampaui had kami," terang beliau.

Program larian tersebut mula diadakan di 1Borneo Hypermall dari 20-31 Januari bagi menyambut jubli ke-20 institusi itu.

Program itu juga dipercayai usaha bersama diantara Program Sains Sukan dari Pembangunan Sosial dan



Maryama



HARUN (kiri) menyerahkan sijil penghargaan kepada salah seorang daripada sembilan pelari.

Pendidikan Sekolah dan Sekolah Perubatan.

Pelari terdiri lapan lelaki dan seorang wanita, menurut Naib Cancellor, Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah, berjaya memecahkan rekod terdahulu dilakarkan oleh dua universiti popular iaitu kampus UiTM Samarahan dan Universiti Malaya (UM).

Seramai sembilan pelajar UMS berjaya memecahkan rekod itu dengan berlari berganti-ganti sejauh 2,299.42 kilometer tanpa henti selama 264 jam.

Harun dalam ucapannya turut melahirkan rasa bangga beliau ter-

hadap pembabitan pelajar berke-

hadap. "Bagi saya, pencapaian ini sangat luar biasa. Setakat ini, banyak pencapaian yang kami capai pada keseluruhan tahun 2013 dan 2014 dan saya menghargai segala sumbangan oleh kakitangan kami, pelajar serta pihak yang berkaitan dalam usahanya mempertingkatkan imej universiti tersebut.

"Saya juga mahu mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam program ini atas usaha gigih mereka bekerja selama 24 jam," katanya.